

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 16 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 54**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1523-L21751  
**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci lokasi dan peruntukan yang terlibat bagi projek penanaman padi di kawasan seluas 50,000 hektar di Sabah dan Sarawak.
  
2. PR-1523-L22317  
**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha Kerajaan bagi memastikan negeri Pantai Timur khususnya Terengganu turut menerima dana pembiayaan daripada *Global Environmental Facility (GEF)* dan *Green Climate Fund (GCF)*.
  
3. PR-1523-L22655  
**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan menjelaskan tentang langkah yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah penyelenggaraan jalanraya dan lampu jalanraya di jalan-jalan persekutuan di Sabah agar rakyat dapat menggunakan dengan baik dan selamat.
  
4. PR-1523-L22607  
**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan bidang TVET dari tahun 2018 sehingga 2023 mengikut bidang latihan yang telah mereka lalui. Berapakah bilangan graduan ini sudah memperolehi pekerjaan dalam bidang latihan tersebut.

5. PR-1523-L21653

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jangkaan pelaburan asing masuk pada tahun 2024, dan bagaimana pihak Kementerian menyeimbangkan pelaburan masuk ini di semua negeri bukan hanya tertumpu di Lembah Klang sahaja.

6. PR-1523-L21978

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa para petani di Perak belum mendapat sumbangan RM250 daripada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari sedangkan sumbangan tersebut sudahpun disalurkan kepada Kerajaan.

7. PR-1523-L21202

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bahawa sejajar dengan semangat Madani yang ingin membangunkan sebuah bangsa yang inklusif, adakah Kerajaan bercadang untuk merangka suatu legislatif khas berhubung dengan diskriminasi di tempat kerja khususnya bagi melindungi mereka yang mempunyai ketidakupayaan sama ada secara fizikal ataupun mental.

8. PR-1523-L21680

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan secara terperinci sejauh mana fungsi dan bidang Pusat Bencana Geologi Negara bagi menangani impak keterancaman perubahan iklim di Malaysia.

9. PR-1523-L21242

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pelan dan rasional Kerajaan untuk memperkenalkan polisi subsidi bersasar dan apakah inisiatif yang akan dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan disebabkan polisi tersebut.

10. PR-1523-L22437

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah perancangan Kementerian untuk menubuhkan kolej/universiti automotif untuk melahirkan tenaga kerja mahir khususnya di Hulu Selangor yang merupakan kawasan hub automotif negara.

11. PR-1523-L22503

**Datuk Matbali bin Musah [ Sipitang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap kontraktor yang telah gagal menyiapkan kerja Lebuh Raya Pan Borneo (PBH) seperti yang dijadualkan.

12. PR-1523-L22002

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang telah dibuat oleh Kementerian sehingga kini bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan mentah yang diperlukan bagi sektor pertanian dan penternakan.

13. PR-1523-L21120

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menangani isu graduan kejuruteraan terpaksa bekerja luar bidang akibat penawaran gaji kerja bidang kejuruteraan yang tidak setimpal dengan beban tugas.

14. PR-1523-L22658

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bagi menjamin kepentingan usahawan dan syarikat Bumiputera serta GLC tidak digadaikan ekoran ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

15. PR-1523-L21137

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar serta inisiatif inovasi sosial untuk meningkatkan kualiti kehidupan orang yang berpendapatan rendah.

16. PR-1523-L21967

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah Kementerian bagi memajukan jalan-jalan sekitar luar bandar terutamanya jalan yang menuju ke perkampungan Orang Asli pedalaman di kawasan Gerik seperti Pulau Tujuh, Kg. Ciong, Sungai Kelat, RPS Dala dan RPS Kemar.

17. PR-1523-L21879

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Padi dan Beras Negara bagi memastikan keterjaminan makanan dapat dicapai pada tahap maksimum memandangkan tanggungjawab penghasilan padi dan beras adalah di bawah Kerajaan negeri-negeri selaku pemilik dan pengawal selia tanah-tanah pertanian.

18. PR-1523-L22201

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk "memasyarakatkan" penggunaan data dan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) secara lebih meluas, bukan sahaja dalam bidang ekonomi, termasuk dalam bidang pentadbiran, pendidikan, kesihatan dan kebajikan.

19. PR-1523-L21438

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah permohonan calon-calon yang berkelayakan bagi pengambilan sesi September 2023 ke universiti awam. Perincikan jumlah calon yang telah ditawarkan mengikut jurusan dan universiti awam.

20. PR-1523-L21915

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapa Jabatan Perhilitan Jerantut hanya mempunyai 1 buah kereta pacuan 4 roda, keahlian anggota yang sedikit, fasiliti pejabat yang kurang selesa serta bilangan perangkap haiwan yang tidak mencukupi sedangkan keluasan Jerantut yang berbukit-bukau dan mempunyai hutan sebesar 378,357.83 hektar.

21. PR-1523-L21121

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesediaan Kementerian menawarkan subsidi atau biasiswa pelajar cemerlang bagi pelajar lepasan SPM dan STPM melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara.

22. PR-1523-L21716

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan status terkini Projek Jambatan Sg Krian yang menghubungkan Pagan - Kupang. Sudahkah proses kajian marin dan trafik dimulai.

23. PR-1523-L21588

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa bilangan penganggur di seluruh negara dan berapa pula di Sabah, apakah benar penduduk asing telah dimasukkan dalam perangkaan tersebut.

24. PR-1523-L22541

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pencapaian Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sehingga kini dalam menoktahkan kemiskinan di seluruh negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh berkenaan hingga ke tahun hadapan.

25. PR-1523-L21822

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jenis geran atau insentif sokongan Kementerian dalam pembangunan infrastruktur pelancongan seperti sokongan modal, kemudahan tandas, jalan raya pelancongan, air dan elektrik. Bagaimanakah khusus untuk pengusaha eko-pelancongan komuniti dan tempatan dapat memanfaatkan bantuan atau sokongan tersebut.

26. PR-1523-L22642

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah model yang digunakan Kerajaan bagi menangani kenaikan kos sara hidup rakyat pada masa kini dan adakah RM1.5 bilion untuk program tingkatkan pendapatan bagi membasmi kemiskinan tegar meliputi perkara asas iaitu kuasa beli rakyat yang sangat terbeban pada masa ini.

27. PR-1523-L21622

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini dan cabaran peralihan kepada pelaksanaan program subsidi bersasar sepenuhnya tahun 2024 di mana ianya melibatkan pengelasan B40, M40 dan T20 dihapuskan secara berperingkat.

28. PR-1523-L22571

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah dan strategi yang diguna pakai bagi membasmi miskin tegar yang disasarkan selesai pada hujung tahun 2023 melibatkan seramai 400,000 isi rumah seluruh negara.

29. PR-1523-L21418

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha serta strategi pihak KSM sebagai Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) dalam menumpu gerak kerja memperkasakan TVET agar lebih komprehensif dalam memastikan agenda memartabatkan dan memperkasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terlaksana dan adakah KSM perlu merangka satu perundangan khusus mengenai tadbir urus TVET bagi memastikan keharmonian serta penyelarasian kerjasama merentasi Kementerian.

30. PR-1523-L22146

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan jangka panjang yang mampan bagi keterjaminan makanan beras negara.

31. PR-1523-L22506

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah kaedah untuk meningkatkan potensi ekonomi rantau serta ekonomi wilayah bagi mengatasi jurang pembangunan ekonomi rentas sempadan.

32. PR-1523-L22037

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) bagaimanakah pihak Kerajaan memastikan kilang-kilang tidak menjadi penyebab pencemaran alam sekitar; dan
- (b) apakah tindakan tuntas Kerajaan mengenai sisa buangan kilang di tapak pelupusan haram seperti di Batu 14, Jalan Kapar yang dikatakan telah mencecah hingga 400 tan sampah dan kebakaran sampah ini masih berulang.

33. PR-1523-L21163

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai pelaburan USD 10 bilion dari Geely dengan tarikh pelaksanaan, jenis bidang teknologi dan industri terlibat.

34. PR-1523-L22546

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah libat urus yang diadakan dengan pihak berkaitan untuk melaksanakan dasar gaji progresif bagi menggantikan dasar gaji minimum dan apakah pendekatan yang digunakan dalam merealisasikan pelaksanaan dasar terbabit.

35. PR-1523-L21547

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status rantaian nilai dalam sektor berkaitan tenaga hijau termasuk dari industri tenaga boleh diperbaharui, penstoran tenaga, teknologi nyah karbon, teknologi tenaga baru seperti hidrogen dan sebagainya.

36. PR-1523-L21862

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian untuk memecahkan monopoli padi dan beras yang dikuasai Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) bagi membuka peluang kepada pemain industri terlibat bersaing untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta mampu memberi pilihan harga kepada pengguna.

37. PR-1523-L21351

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci syarat-syarat kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi awam, sama ada mereka mengikut meritokrasi dan bagaimana sesuatu rayuan dikendalikan apabila pemohon-pemohon tidak mendapat kursus mengikut keutamaan permohonan mereka atau mereka langsung tidak ditawarkan apa-apa kursus pengajian.

38. PR-1523-L22105

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

(a) setakat ini, selepas 10 bulan import telur dilaksanakan, berapa peratus telur tempatan sudah kembali ke pasaran dan berapa lama lagi tempoh yang diperlukan untuk memastikan bekalan telur tempatan untuk keperluan domestik mencukupi; dan

(b) mengapa bekalan beras tempatan yang selama ini mencukupi iaitu pada kadar 65 peratus bagi kegunaan rakyat Malaysia secara tiba-tiba berdepan masalah bekalan sedangkan jumlah rakyat Malaysia kekal dan kadar pemakanan juga sama.

39. PR-1523-L21346

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah keperluan import bahan-bahan mentah pada setiap tahun oleh Kerajaan Malaysia dan berapa jumlahnya dalam Ringgit Malaysia.

40. PR-1523-L21155

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) status dan jangkaan projek pembinaan loji Cinta Mata ini boleh disiapkan sepenuhnya; dan
- (b) jaminan untuk menurunkan segera bajet perlaksanaan Loji Rawatan Air Cinta Mata ii yang dijangka boleh menampung keperluan air hampir 500 ribu penduduk Tawau.

41. PR-1523-L22219

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan bagi memantapkan pasaran pekerjaan di Malaysia bagi memastikan akan ada pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi untuk graduan serta terdapat kumpulan pekerja berkemahiran secukupnya bagi mengelakkan penutupan lebih banyak kilang seperti kilang Panasonic baru-baru ini.

42. PR-1523-L21778

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah mekanisma pelaksanaan, teknologi dan varieti padi yang akan digunakan oleh pihak Kementerian untuk membuka ladang padi berskala besar di Sabah dan sejauhmanakah komitmen Kementerian untuk menjayakannya.

43. PR-1523-L21992

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di bawah seliaan pihak Kementerian diteruskan pada pentadbiran Kerajaan Persekutuan kali ini memandangkan ia menyasarkan kumpulan B40 yang tinggal di luar bandar untuk meningkatkan pendapatan semasa mereka.

44. PR-1523-L22271

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah pembiayaan Kerajaan Persekutuan mengikut negeri bagi projek sumber air negeri sejak perjanjian migrasi dimuktamadkan sehingga Jun 2023.

45. PR-1523-L21658

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan Malaysia My Second Home (MM2H) dan Premium Visa Program (PVIP) sejak Kementerian mengambil alih/mewujudkan penyelarasan program-program ini. Apakah status terkini penyemakan semula syarat-syarat MM2H dan PVIP.

46. PR-1523-L22442

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah segera dan strategi yang berkesan dalam membantu mangsa yang ditimpa musibah ribut taufan dan angin kuat yang merosakkan rumah kediaman agar rumah kediaman mereka dibaik pulih dalam tempoh yang singkat.

47. PR-1523-L22544

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi atau langkah Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan KDNK negeri seperti Kelantan, Perlis dan beberapa negeri lagi yang dikira kurang maju supaya kemakmuran dapat dinikmati bersama dan peluang pekerjaan yang memberikan pendapatan tinggi dapat diadakan di negeri-negeri tersebut.

48. PR-1523-L21338

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bantuan yang dirancangkan untuk membantu pesawah padi yang terjejas akibat tanaman padi yang rosak kerana tercemar oleh air laut.

49. PR-1523-L21129

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan tindakan terhadap tanaman bawang ekoran India mengenakan cukai eksport sebanyak 40 peratus terhadap bahan berkenaan yang memberi kesan langsung kepada pasaran tempatan dan rakyat.

50. PR-1523-L21407

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) jumlah (bilangan, jenis dan nilai) projek pembangunan di bawah RM50 juta yang diberikan kuasa pelaksanaan kepada pentadbiran Sabah bagi tahun 2023; dan
- (b) sehingga kini, berapa peratus projek yang telah dimulakan.

51. PR-1523-L21212

**Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan bagi mengimbangi *energy trilemma* iaitu *sustainability*, *energy security* dan *affordability* dalam menjayakan National Energy Transition Roadmap (NETR).

52. PR-1523-L22530

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dapatan terperinci jawatankuasa induk peringkat pusat yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi menyelaras standard operasi dan tatakelola sektor perlombongan mineral khususnya nadir bumi atau *Non-Radioactive Rare Earth Element* (NRREE).

53. PR-1523-L21790

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar Kolej Matrikulasi ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu Semenanjung, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain) dari tahun 2019 hingga 2023, termasuk sesi akademik 2023/2024.

54. PR-1523-L21921

**Dato' Ramanan Ramakrishnan [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah perancangan dan peruntukan untuk menaik taraf secara keseluruhan Jalan Persekutuan FT54 dari persimpangan Stesen KTM Sungai Buloh hingga ke simpang Penjara Sungai Buloh.

55. PR-1523-L21099

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan makanan memberi penjelasan adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan AP kepada pengimport beras import bagi mengatasi masalah bekalan beras dalam negara sekarang.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 31/2023) Rang Undang-undang Perbekalan 2024 - **Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 13 Oktober 2023 )**

**DAN**

**Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

**Perbahasan atas masalah ( 13 Oktober 2023 )**

2. ( D.R. 33/2023 ) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 12 Oktober 2023 )**

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

3. ( D.R. 25/2023 ) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

**"BAHAWA** Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60".

4. ( D.R. 26/2023 ) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Kesihatan ]**

5. PR-1523-U(27)278  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

6. PR-1523-U(27)279  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

7. PR-1523-U(27)280

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

8. PR-1523-U(27)281

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

### **[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**

#### **9. PR-1523-U(27)283**

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

10. PR-1523-U(27)286

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

11. PR-1523-U(27)287

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

12. PR-1523-U(27)290

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

#### [ Menteri Pendidikan ]

13. PR-1523-U(27)291

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

14. PR-1523-U(27)292

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1523-U(27)293

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. PR-1523-U(27)294

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1523-U(27)295

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1523-U(27)296

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakkan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1523-U(27)297

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

20. PR-1523-U(27)298

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1523-U(27)299

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

22. PR-1523-U(27)300

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiag siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1523-U(27)301

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1523-U(27)302

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1523-U(27)303

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

26. PR-1523-U(27)304

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

27. PR-1523-U(27)305

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD. 31	Tinjauan Ekonomi 2024 / <i>Economic Outlook 2024</i>	13 Oktober 2023
CMD. 32	Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024 / <i>Fiscal Outlook and Federal Government Revenue Estimates 2024</i>	13 Oktober 2023
CMD. 33	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	13 Oktober 2023
CMD. 34	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	13 Oktober 2023
CMD. 35	Senarai Perjawatan di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024	13 Oktober 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 16.10.2023 (Isnin)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Haja Tuju Kenderaan Gas Asli (NGV) di Malaysia	1. YB Menteri Ekonomi
2. 16.10.2023 (Isnin)	2. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	2. Keperluan Menaik Taraf Klinik Kesihatan Ujong Pasir, Melaka	2. YB Menteri Kesihatan
3. 16.10.2023 (Isnin)	3. YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun (Hulu Selangor)	3. Mewujudkan Klinik Kesihatan Bukit Sentosa	3. YB Menteri Kesihatan
4. 16.10.2023 (Isnin)	4. YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun (Hulu Selangor)	4. Mewujudkan Balai Bomba di FELDA Soeharto	4. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**